

Henti polemik kaum, belajar hadis untuk murid Islam

KUALA LUMPUR -

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua pihak menghentikan polemik perkauman kerana semua rakyat dijamin hak sama rata dan keadilan.

Merujuk modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi yang dilancarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 19 Ogos le-

pas, Anwar berkata, ia hanya disasarkan kepada murid beragama Islam dan tiada paksaan bagi bukan Islam untuk mempelajarinya.

“Mata pelajaran ini untuk anak-anak Islam dalam Pendidikan Islam. Tanyalah, jangan marah dulu.

“Kalau hari ini saya datang ke Little India, pelampau-pelampau ini akan kata Anwar jaga India sahaja. Bila soal Melayu, termasuk teks anak-anak Islam baca hadis, kata Anwar ini jaga Islam sahaja. Semua tak kena,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika melancarkan Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur D’Medan Selera Madani di Kompleks Tun Sambanthan, di sini pada Isnin.

Tambah Anwar, adalah menjadi



ANWAR

tanggungjawabnya sebagai pemimpin untuk memastikan Islam dihayati dan difahami dengan betul.

Modul hadis tersebut adalah bertujuan memupuk penghayatan hadis bermula di peringkat sekolah, antara lain untuk memupuk semangat kasih sayang, selain menerapkan kefahaman agama khususnya dalam

kalangan pelajar serta guru beragama Islam.

Program rintis modul berkenaan bakal dilaksanakan di 61 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 228 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negara.

Sebelum ini, terdapat beberapa pertikaian mengenai pelaksanaan modul itu antaranya daripada Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taois yang membantah perkara itu dan mendakwa ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan serta hak kebebasan beragama.

Bagaimanapun KPM menjelaskan modul itu hanya diajar kepada murid beragama Islam.